

12/06/1999

Pas tidak layak bermuzakarah

Anak Pondok Batu Hampar

SAYA sudah lama berkawan dengan orang Pas. Saya juga pernah menjadi ahli Pas kerana terpengaruh dengan pemimpin parti itu yang mendakwa menegakkan perjuangan berlandaskan Islam di negara ini. Di dalam ruangan ini ingin saya nyatakan yang saya amat tidak bersetuju jika pemimpin Umno mahu bermuzakarah dengan pemimpin Pas.

Sekiranya perdebatan yang dicanangkan berlaku, titik pertemuan tidak akan dicapai. Pas mempunyai tujuan politiknya. Pas tidak ikhlas membawa ukhawah di kalangan umat Islam mengikut ajaran al-Quran dan hadis. Adalah jelas, akhir-akhir ini, Pas menunjukkan sikap yang jelas mentafsirkan ayat al-Quran dan hadis mengikut kehendak dan kesesuaian dengan selera perjuangan parti itu untuk memikat hati rakyat.

Bagi Pas, Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat lah yang paling alim dan warak dibandingkan dengan tokoh Pas yang lain. Tetapi Tok Guru sendiri silap membuat fatwa mengenai ajaran Islam yang membenarkan umat Islam mencaci, mengumpat, memfitnah dan mencarut kepada sesama Islam.

Pada pendapat saya, bermuzakarah dengan Pas hanya membuang masa. Saya tidak nampak muzakarah itu boleh menyelesaikan masalah mengenai Islam, tetapi akan lebih kusut dan mengelirukan apabila Pas mengutarakan tafsiran al-Quran dan Hadis untuk kepentingan politik mereka semata-mata. Sekarang kita boleh membuat penilaian sendiri, sama ada Pas berjuang untuk meninggikan syiar Islam atau pun berjuang untuk kepentingan pemimpin parti itu.

Apa yang saya nampak, Pas menggunakan al-Quran dan hadis untuk mengkafirkan orang Umno, seperti terdapat dalam surah al-Maidah Ayat 44, 45 dan 47. Selepas ahli Umno dikafirkan oleh Pas, maka pemimpin Pas meniupkan semangat perjuangan Islam untuk menentang orang Umno, dan mewar-warkan bahawa berjuang memerangi ahli Umno yang didakwa kafir adalah mati syahid.

Di situlah timbul keganasan, boleh mencarut, mengumpat dan memaki-hamun orang Umno. Apabila orang Umno dikafirkan melalui ayat itu, maka diharuskan pula oleh Pas untuk membuat fitnah, mengumpat dan mencarut kepada orang Umno, sehingga Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dicaci dengan pelbagai nama kononnya dengan menggunakan dalil al-Quran dari Surah Al Masad ayat 1,2,3,4, dan 5.

Kenapa Tok Guru Nik Aziz tidak tafsirkan dengan sebenarnya ayat di dalam Surah al-Masad. Bila dan apakah tujuan Allah menurunkan ayat berkenaan. Kenapa Allah memarahi Abu Lahab dan hak Allah yang boleh memurkai HambaNya, tidak boleh dikatakan Allah itu mencarut dan mengumpat, tetapi pada manusia dikatakan mengumpat dan ditegahkan oleh Allah dan Rasul.

Apakah Tok Guru Nik Aziz menafikan maksud al-Quran di dalam Surah al-Humazah Ayat 1 dan 2, yang bermaksud Celakalah (Neraka Wail) bagi yang pengumpat dan penista dan menggagapkan harta dunia itu kekal. Bagaimana pula dengan maksud al-Quran di dalam surah al-Hujarat Ayat 12, yang mana Allah meminta orang yang beriman supaya menjauhi daripada sifat buruk sangka sesama manusia, sesungguhnya buruk sangka itu adalah dosa, janganlah mencari kesalahan orang lain, janganlah mencaci antara kamu. Adakah kamu suka memakan daging saudara kamu yang mati, tentulah kamu benci. Bertakwalah kamu kepada Allah, Sesungguhnya Allah menerima taubat dan amat mengasihani.

Begitulah juga yang diterangkan melalui hadis Nabi Muhammad SAW yang bermaksud: "Bukanlah di kalangan orang yang Beriman, bagi mereka yang

menjadi pencaci, pelaknat, berkata kotor dan menghina. Bermula mukmin itu ialah mereka yang tidak melaknat orang." Kalaulah hadis itu mengatakan bukan di kalangan orang Mukmin, maka siapakah mereka itu, tentulah kita boleh jawab sendiri. Kalau dikatakan bukan di kalangan orang yang alim, maka tentu kita mendapat jawapan bahawa, orang itu jahil, kalau jahil wajib baginya menuntut ilmu. Tetapi yang lebih parah ialah orang alim yang mempersendakan ayat-ayat Allah untuk kepentingan diri sendiri dan parti.

Muzakarah dengan Pas tidak memberi manfaat kerana mereka bukanlah ulama yang sebenarnya. Ulama yang sebenar tidak terbabit dalam kepentingan diri sama ada dalam kerajaan atau politik. Ulama adalah pengadil untuk menyelesaikan masalah, bukan seperti pemimpin Pas yang sentiasa membuat masalah yang sentiasa mahu mencari Kesalahan orang lain, untuk menutup kesalahan diri sendiri.